



30 November 2011
30 November 2011
P.U. (A) 392

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN
PERKHIDMATAN WANG
(DANA MODAL MINIMUM) 2011

*MONEY SERVICES BUSINESS (MINIMUM CAPITAL FUNDS)
REGULATIONS 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG 2011

PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG
(DANA MODAL MINIMUM) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 22(1) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [*Akta 731*], Menteri, atas syor Bank, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang (Dana Modal Minimum) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2011.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“nilai perolehan tahunan”, mengikut mana-mana yang berkenaan, ertinya—

(a) bagi seseorang pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengurusan wang, purata jualan mata wang asing tahunannya bagi tiga tahun kewangan terdahulu berdasarkan akaun tahunan yang telah diaudit;

(b) bagi seseorang pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengirisan wang, purata nilai tahunan urus niaga masuk dan keluar pengirisan wangnya yang disahkan oleh juruaudit pemegang lesen itu bagi tiga tahun kewangan yang terdahulu;

(c) bagi seseorang pemegang lesen di bawah seksyen 95 Akta yang menjalankan perniagaan pengurusan wang di bawah Akta yang dimansuhkan, purata jualan mata wang asing tahunannya berdasarkan akaun tahunan yang telah diaudit bagi tiga tahun kewangan terdahulu

atau bilangan tahun kewangan terdahulu bagi lesen itu jika pemegang lesen itu dilesenkan kurang daripada tiga tahun; atau

- (d) bagi seseorang pemegang lesen di bawah seksyen 95 Akta yang menjalankan perniagaan pengiriman wang menurut seksyen 10 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*], purata nilai tahunan urusan niaga masuk dan keluar pengiriman wangnya berdasarkan akaun tahunan yang telah diaudit bagi tiga tahun kewangan terdahulu atau bagi bilangan tahun kewangan terdahulu bagi kebenaran itu jika kebenaran itu diberikan kurang daripada tiga tahun;

“pihak berkaitan” yang berhubungan dengan—

- (a) suatu perbadanan, ertinya—
- (i) berkaitan mengikut pengertian seksyen 6 Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]; atau
 - (ii) syarikat yang mempunyai pengarah atau pemegang syer bersama; dan
- (b) seseorang pemegang syer atau pengarah, ertinya—
- (i) suami atau isteri orang itu;
 - (ii) saudara lelaki atau perempuan orang itu;
 - (iii) saudara lelaki atau perempuan kepada suami atau isteri orang itu;
 - (iv) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;

- (v) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan suami atau isteri orang itu;
- (vi) suami atau isteri mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (ii), (iii), (iv) atau (v);
- (vii) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (ii), (iii) atau (vi);
- (viii) bapa saudara, ibu saudara atau sepupu kepada orang itu, atau kepada suami atau isteri orang itu; atau
- (ix) suami atau isteri, atau orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah, dengan orang yang disebut dalam perenggan (viii).

Penyelenggaraan dana modal minimum

3. (1) Dana modal minimum hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), dana modal minimum hendaklah merangkumi jumlah keseluruhan—

- (a) syer biasa berbayar;
- (b) rizab;
- (c) keuntungan tertahan atau kerugian terkumpul; dan
- (d) keuntungan yang telah diaudit bagi tempoh atau kerugian yang telah diaudit dan tak diaudit bagi tempoh itu,

dan menolak segala pinjaman, pendahuluan atau pelaburan yang diberikan kepada pemegang syer, pengarah atau pihak berkaitan.

JADUAL
[Subperaturan 3(1)]

Golongan	Kriteria	Dana modal minimum (RM)
A	Pemegang lesen menjalankan perniagaan pengurusan wang dan pengiriman wang.	2,000,000
B atau C	Pemegang lesen menjalankan perniagaan pengurusan wang atau perniagaan pengiriman wang, di mana— <i>(a)</i> ia mempunyai nilai perolehan tahunan melebihi RM100,000,000; atau <i>(b)</i> ia mempunyai lebih daripada lima pejabat cawangan.	2,000,000
	Pemegang lesen menjalankan perniagaan pengurusan wang atau perniagaan pengiriman wang, di mana- <i>(a)</i> ia juga adalah ejen perniagaan perkhidmatan wang kepada seorang pemegang lesen kepada suatu golongan yang berbeza; <i>(b)</i> ia mempunyai nilai perolehan tahunan melebihi RM30,000,000 tetapi tidak melebihi RM100,000,000; atau <i>(c)</i> ia mempunyai sehingga lima pejabat cawangan.	500,000

Golongan	Kriteria	Dana modal minimum (RM)
	Pemegang lesen menjalankan perniagaan pengurusan wang atau perniagaan pengiriman wang, di mana – <i>(a)</i> ia mempunyai nilai perolehan tahunan tidak melebihi RM30,000,000; dan <i>(b)</i> ia tidak mempunyai pejabat cawangan.	300,000
D	Pemegang lesen menjalankan perniagaan mata wang borong.	10,000,000
A dan D	Pemegang lesen menjalankan semua jenis perniagaan perkhidmatan wang.	12,000,000
C dan D	Pemegang lesen menjalankan perniagaan mata wang borong dan perniagaan pengurusan wang.	12,000,000

Dibuat 29 November 2011
 [BNM.JUN.1119/67/03; PN(PU2)701]

DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK
Menteri Kewangan

MONEY SERVICES BUSINESS ACT 2011

MONEY SERVICES BUSINESS (MINIMUM CAPITAL FUNDS) REGULATIONS 2011

IN exercise of the powers conferred by subsection 22(1) of the Money Services Business Act 2011 [*Act 731*], the Minister, on the recommendation of the Bank, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Money Services Business (Minimum Capital Funds) Regulations 2011**.

(2) These Regulations come into operation on 1 December 2011.

Interpretation

2. In these Regulations—

“annual turnover value”, as the case may be, means—

(a) for a licensee who carries on money-changing business, the average of its annual sales of foreign currencies for the preceding three financial years based on the annual audited accounts;

(b) for a licensee who carries on remittance business, the average of its annual value of inward and outward remittance transactions certified by the auditor of the licensee for the preceding three financial years;

(c) for a licensee under section 95 of the Act who carried on money-changing business under the repealed Act, the average of its annual sales of foreign currencies based on the annual audited accounts for the preceding three financial years or for the preceding number of financial years of the licence if the licensee has been licensed for less than three years; or

- (d) for a licensee under section 95 of the Act who carried on remittance business pursuant to section 10 of the Exchange Control Act 1953 [Act 17], the average of its annual value of inward and outward remittance transactions based on the annual audited accounts for the preceding three financial years or for the preceding number of financial years of the permission if such permission was granted for less than three years;

“related parties” in relation to—

- (a) a corporation, means—

- (i) related within the meaning of section 6 of the Companies Act 1965 [Act 125]; or
- (ii) companies with common directors or shareholders; and

- (b) a shareholder or director, means—

- (i) the spouse of the person;
- (ii) the brother or sister of the person;
- (iii) the brother or sister of the spouse of the person;
- (iv) any lineal ascendant or descendant of the person;
- (v) any lineal ascendant or descendant of the spouse of the person;
- (vi) the spouse of any person referred to in paragraph (ii), (iii), (iv) or (v);

- (vii) any lineal descendant of a person referred to in paragraph (ii), (iii) or (vi);
- (viii) any uncle, aunt or cousin of the person, or of the spouse of the person; or
- (ix) any spouse, or any lineal ascendant or descendant, of a person referred to in paragraph (viii).

Maintenance of minimum capital funds

3. (1) The minimum capital funds shall be in accordance with any amount as may be provided in the Schedule.

(2) For the purposes of subregulation 3(1), the minimum capital funds shall comprise the sum total of—

- (a) paid up ordinary shares;
- (b) reserves;
- (c) retained profits or accumulated losses; and
- (d) audited profits for the period, or audited and unaudited losses for the period,

and minus all loans, advances and investments given to shareholders, directors or other related parties.

SCHEDULE
[Subregulation 3(1)]

Class	Criteria	Minimum capital funds (RM)
A	The licensee carries on money-changing and remittance business.	2,000,000
B or C	The licensee carries on money-changing or remittance business, where— <i>(a)</i> it has an annual turnover value exceeding RM100,000,000; or <i>(b)</i> it has more than five branch offices.	2,000,000
	The licensee carries on money-changing or remittance business, where— <i>(a)</i> it is also a money services business agent of a licensee of a different class; <i>(b)</i> it has an annual turnover value of more than RM30,000,000 but not exceeding RM100,000,000; or <i>(c)</i> it has up to five branch offices.	500,000
	The licensee carries on money-changing or remittance business, where— <i>(a)</i> it has an annual turnover value not exceeding RM30,000,000; and <i>(b)</i> it has no branch office.	300,000
D	The licensee carries on wholesale currency business.	10,000,000
A and D	The licensee carries on all types of money services	12,000,000

Class	Criteria	Minimum capital funds (RM)
	businesses.	
C and D	The licensee carries on wholesale currency and money-changing businesses.	12,000,000

Made 29 November 2011
[BNM.JUN. 1119/67/03; PN(PU2)701]

DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK
Minister of Finance